



SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN



KBS: 113/2025

KBS AMBIL TINDAKAN TEGAS TERHADAP KONTRAKTOR PROJEK 'GAJAH PUTIH' KOMPLEKS SUKAN KBS JASIN

24 DISEMBER 2025

Kementerian Belia dan Sukan (KBS) ingin memaklumkan tentang isu projek Pembinaan dan Penyiapan Kompleks Sukan Mini serta Kerja-Kerja Berkaitan di Bemban, Jasin, Melaka. Projek ini merupakan inisiatif KBS untuk menyediakan kemudahan sukan kepada masyarakat setempat, yang merangkumi pembinaan pejabat, auditorium, dewan serbaguna, gelanggang sukan, asrama, dan kafetaria.

Projek ini gagal disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan oleh kontraktor asal yang mengakibatkan tindakan tegas diambil oleh KBS demi kepentingan awam. Projek ini bermula pada 12 April 2021 dan dijangka siap pada 29 April 2024. Namun begitu, kontraktor gagal menjalankan kerja dengan bersungguh-sungguh. Oleh itu, Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor telah dikeluarkan pada 10 September 2024 berikutan kegagalan kontraktor mematuhi syarat-syarat kontrak apabila bertindak meninggalkan tapak projek.

Projek ini dirancang untuk ditender semula selewat-lewatnya pada awal Januari 2026.

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN**

